

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 19.11.2014 (RABU)

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana kepentingan pendeposit atau ahli Bank Rakyat dapat dilindungi apabila Menteri menggunakan kuasa di bawah Seksyen 16 Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (peruntukan khas) 1978 untuk mengarahkan Bank Rakyat supaya membenarkan Syarikat Carpet Tile Sdn. Bhd. Menjelaskan hutang tertunggak sebanyak 32 juta melalui bayaran bulanan selama 10 tahun tanpa dikenakan sebarang denda lewat (ta'widh).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang diketahui umum, isu ini melibatkan satu pinjaman lama yang tidak berbayar atau dikenali juga sebagai '*A Non Performing Loan*' berjumlah lebih dari RM30 juta. Dalam hal ini, pihak Bank Rakyat mempunyai dua pilihan iaitu:

- i) Membawa peminjam ke mahkamah, menyaman dan mengambil semua cagaran, mencairkan aset melalui lelongan dan sebagainya. Sekiranya terdapat baki kekurangan, maka bank terpaksa mengisytiharkannya sebagai kos hangus atau kerugian; dan
- ii) Menawarkan penstrukturan pembayaran untuk mendapatkan baki pinjaman sebanyak mungkin.

Sebelum pihak Bank membuat tindakan, terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti dan diambil perhatian. Sebagai contoh, adakah jumlah cagaran selepas lelongan dan pembubaran semua aset-aset syarikat mampu memberikan pulangan terbaik kepada Bank? Berapakah pula jumlah kos tambahan kepada Bank dari segi kos guaman serta dokumentasi, lelongan dan berapa lamakah masa yang diambil untuk menyelesaikannya?

Sememangnya pihak Bank mahu mengenakan caj bayaran maksima, akan tetapi kebolehpayaan syarikat dalam jangka masa panjang untuk melunaskan hutang juga perlu diambil kira. Keputusan mengenai perkara ini bukanlah jalan mudah atau ingin menyelamatkan sesiapa. Malah seperti yang telah diketahui, sekiranya terdapat

tunggakan pembayaran semula serta-merta, tindakan mahkamah akan diambil.

Bank Rakyat berpendapat bahawa tindakan penstrukturan merupakan tindakan yang terbaik untuk mengurangkan kerugian bagi pihak Bank. Dalam hal ini, Kementerian berdiri teguh menyokong pendirian Bank Rakyat dan yakin bahawa semua tindakan yang dibuat oleh pihak pengurusan bank adalah berpandukan kepada penyelesaian yang terbaik buat pemegang saham berdasarkan lunas undang-undang dan mengikut norma industri perbankan.